



e-ISSN: 0128-0902
ISSN 2289-9634

Available online at <https://jcis.uitm.edu.my>

Journal of Contemporary Islamic Studies 10(3) 2024

Journal of
Contemporary
Islamic Studies

Analisis Pencapaian Akademik Penerima Zakat Dalam Kalangan Pelajar UiTM Cawangan Sabah

(Analysis of the Academic Achievement of Zakat Recipients Among Students of UiTM Sabah Branch)

Nor Alhana Abd Malik^{1*}, Razizi Tarmuji¹, Saiful Nizam Amran²

¹Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia

²Faculty of Law, National University of Malaysia, 43600 Bangi, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 24 July 2024

Accepted 20 September 2024

Published 9 Desember 2024

Keywords:

distribution
education
Sabah
UiTM
zakat

Katakunci:

agihan
pendidikan
Sabah
UiTM
zakat

DOI:

<https://doi.org/10.24191/jcis.v10i3.3>

ABSTRACT

The distribution of zakat to students plays a significant role in reducing dropout rates and enhancing their motivation to pursue higher education. This study aims to examine the background of zakat recipients at Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sabah and subsequently analyse their academic achievement. The respondents consist of diploma and bachelor's degree students who received zakat assistance for the first time between October 2022 and February 2023. A qualitative approach is employed through the analysis of documents related to zakat recipients among students at UiTM Sabah and students' Grade Point Average (GPA). Descriptive statistical methods are used to determine frequencies for each variable, based on academic level, gender, zakat beneficiary category, and scholarship status. Comparisons are also made between the GPAs obtained by students during the March to August 2022 semester and the October 2022 to February 2023 semester. The findings indicate that the academic achievement of students receiving zakat for the first time is moderate. It is hoped that these findings will provide valuable insights to the university and the zakat management, contributing to efforts aimed at improving the academic performance of students, particularly those from low-income backgrounds.

ABSTRAK

Agihan zakat kepada golongan pelajar memainkan peranan yang penting bagi mengurangkan kadar keciciran dan meningkatkan motivasi mereka untuk meneruskan pengajian di peringkat pengajian tinggi. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji latar belakang penerima zakat di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sabah dan seterusnya membuat analisis pencapaian akademik. Responden kajian terdiri daripada pelajar peringkat diploma dan ijazah sarjana muda yang pertama kali menerima bantuan zakat pada sesi Oktober 2022 hingga Februari 2023. Pendekatan

^{1*} Corresponding author. *E-mail address:* noral801@uitm.edu.my
<https://doi.org/10.24191/jcis.v10i3.3>

yang digunakan dalam kajian ini adalah kualitatif melalui analisis dokumen berkaitan penerima zakat dalam kalangan pelajar di UiTM Cawangan Sabah dan Purata Nilai Gred (GPA) pelajar. Analisis dilakukan menggunakan kaedah statistik deskriptif dalam mendapatkan frekuensi bagi setiap pemboleh ubah yang telah ditentukan berdasarkan peringkat pengajian, jantina, kategori asnaf zakat dan biasiswa. Perbandingan juga dilakukan terhadap GPA yang diperoleh oleh pelajar pada semester Mac hingga Ogos 2022 dan semester Oktober 2022 hingga Februari 2023. Hasil dapatan menunjukkan tahap pencapaian akademik dalam kalangan pelajar yang menerima zakat buat kali pertama adalah sederhana. Dengan hasil kajian ini diharapkan dapat memberi maklumat berguna kepada pihak universiti dan juga pihak pengurusan zakat dalam usaha membantu peningkatan pencapaian akademik pelajar terutama daripada golongan yang berpendapatan rendah.

PENDAHULUAN

Zakat diperuntukkan kepada lapan asnaf seperti yang dijelaskan dalam al-Quran surah al-Taubah ayat 60. Dalam konteks masa kini di Malaysia, pihak pengurusan zakat menyediakan pelbagai mekanisme bantuan kepada asnaf, termasuk bantuan zakat pendidikan kepada pelajar. Bantuan ini disalurkan dari peringkat sekolah rendah hingga ke pengajian tinggi. Hal ini disebabkan oleh kenyataan bahawa pendidikan merupakan salah satu pelaburan sosial penting bagi pembangunan negara. Ia membawa manfaat jangka panjang seperti peningkatan pengetahuan, kemahiran tenaga kerja, disiplin, dan motivasi kepada individu (Yusoff, 2014).

Bantuan yang berterusan kepada sektor pendidikan dalam kalangan asnaf sehingga mereka memperoleh kejayaan adalah amat penting kerana impaknya sangat besar terhadap kemajuan dan kelestarian ekonomi negara (Halim & Saladin, 2011). Justeru, anak-anak asnaf yang berjaya akan ditempatkan di sektor-sektor penting dalam negara ini dan berupaya menjadi penyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Universiti Teknologi MARA (UiTM) merupakan universiti terbesar di Malaysia yang mempunyai 166,070 orang pelajar di 34 buah kampus di seluruh negara (Bahagian Hal Ehwal Akademik UiTM, 2023). UiTM berperanan besar dalam memberi peluang pendidikan peringkat tinggi kepada lebih ramai lagi golongan Bumiputera khususnya mereka yang datang dari keluarga berpendapatan rendah. Ini merupakan suatu cabaran yang besar bagi pihak UiTM untuk memastikan pelajar ini dapat belajar dengan selesa dan mempunyai kemampuan kewangan sepanjang tempoh pengajian mereka di UiTM.

Pada tahun 1998, UiTM diberikan kebenaran oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) untuk melaksanakan pungutan dan agihan zakat di kalangan warganya (Hashim & Mustaffa, 2012). Sekaligus menjadikan UiTM sebagai universiti awam pertama yang menjadi perintis pelantikan Penolong Amil kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS). Beberapa kali berlaku penstrukturan organisasi dan penamaan unit zakat di UiTM semenjak pelantikan tersebut. Bermula tahun 2019, nama unit zakat adalah Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf UiTM yang diletakkan terus di bawah seliaan Naib Canselor. Di peringkat UiTM Cawangan pula, ia diurus oleh Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAF) (Tarmuji et al., 2022).

Di UiTM Sabah, sumber dana zakat diterima daripada Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) bermula dari tahun 2014. Selain MUIS, sumber dana zakat juga diterima daripada potongan zakat gaji staf di LZS yang akan dipulangkan semula 50% ke kampus, badan-badan korporat dan syarikat perniagaan sekitar Sabah (Tarmuji et al., 2022). Terdapat empat kategori asnaf zakat di UiTM iaitu fakir, miskin, fisabilillah dan muafak dengan kadar jumlah agihan zakat yang berbeza bagi setiap kategori asnaf. Jadual 1 di bawah

menunjukkan jumlah kadar yang diterima oleh pelajar yang dikategorikan sebagai fakir, miskin dan fisabilillah.

Jadual 1: Kadar Agihan Zakat Mengikut Kategori Asnaf di UiTM

	Kadar Semester (maksima)					
	Asasi/Pra Diploma/Diploma		Sarjana Muda		Sarjana	
	Tiada Pinjaman (RM)	Ada Pinjaman (RM)	Tiada Pinjaman (RM)	Ada Pinjaman (RM)	Tiada Pinjaman (RM)	Ada Pinjaman (RM)
Fakir	1,000	500	1,200	600	1,500	
Miskin	800	400	1,000	500	(2 kali sepanjang pengajian)	(2 kali sepanjang pengajian)
Fisabilillah	600	300	800	400		

Sumber: Unit ZAWAF UiTM Cawangan Sabah (2022)

Agihan zakat yang diterima oleh pelajar memberi impak positif dalam membantu pelajar yang mengalami masalah kewangan semasa tempoh pengajian mereka. Wang zakat tersebut digunakan untuk memenuhi keperluan harian pelajar seperti makan minum, pakaian, ubatan dan perawatan pelajar itu sendiri. Ada juga wang tersebut digunakan untuk membayar yuran pengajian akibat kemiskinan keluarga walaupun untuk sementara waktu (Ayub et al., 2022).

Persoalannya, adakah zakat yang diterima oleh pelajar dapat membantu mereka memperoleh prestasi akademik yang baik semasa pengajian? Justeru, tujuan kajian ini adalah untuk menilai pencapaian akademik pelajar yang menerima zakat. Ini menjadi penting untuk membantu universiti dan pihak pengurusan zakat merancang strategi yang efektif agar pelajar penerima zakat dapat mencapai kejayaan akademik yang tinggi dan menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan oleh universiti.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan analisis dokumen bagi memenuhi objektif kajian. Analisis dokumen adalah sebahagian daripada kaedah pengumpulan data penyelidikan dari analisis kandungan. Analisis kandungan adalah deskripsi objektif maklumat komunikasi yang telah dicetak, disiarkan atau digambarkan (Jasmi, 2012). Proses analisis dokumen yang dijalankan dalam kajian ini merujuk kepada sumber-sumber primer iaitu dokumen berkaitan Laporan Agihan Zakat UiTM Cawangan Sabah, data pemohon zakat UiTM Cawangan Sabah dan Purata Nilai Gred (GPA) pelajar yang menerima zakat buat kali pertama pada Semester Oktober 2022- Februari 2023. Lima tahap GPA yang ditetapkan bagi mengenal pasti tahap pencapaian akademik pelajar bagi kedua-dua semester iaitu semester selepas menerima dan semester sebelum menerima zakat. Lima tahap tersebut ialah: Bawah 1.99: GPA Lemah; 2.00 – 2.19: GPA Rendah; 2.2 – 2.99: GPA Sederhana; GPA, 3.00 – 3.49: GPA Tinggi dan 3.50 – 4.00: GPA Sangat Tinggi. Pbolehkan ubah dalam kajian ini termasuklah jantina, peringkat pengajian, kategori asnaf, jenis biasiswa dan tempat penginapan.

KAJIAN LITERATUR

Kajian mengenai pencapaian akademik pelajar di peringkat pengajian tinggi telah banyak dilakukan oleh pengkaji sebelum ini. Kajian ini merangkumi pelbagai topik, termasuk faktor-faktor yang mempengaruhi proses pembelajaran seperti persekitaran pembelajaran, sokongan sosial, motivasi pelajar, dan penggunaan teknologi. Pembelajaran pelajar di peringkat pengajian tinggi dipandang tinggi oleh semua pihak. Namun, dalam mengejar kecemerlangan, golongan mahasiswa ini tidak terlepas daripada menghadapi pelbagai

masalah dan cabaran (Sumari & Hussin, 2006). Menurut Hamdu & Augustina (2011), terdapat dua jenis faktor yang mempengaruhi proses pembelajaran iaitu faktor internal dan faktor eksternal. Faktor dalaman adalah sesuatu yang berasal dari dalam diri individu itu sendiri, seperti gangguan psikologi, gangguan fizikal, motivasi, bakat dan minat. Manakala faktor luaran adalah sesuatu yang berasal dari luar individu tersebut yang dapat mempengaruhi individu tersebut.

Fauzi et al. (2020) telah menjalankan kajian terhadap pelajar pengurusan perniagaan di UiTM Cawangan Kelantan. Hasil kajian mendapati faktor-faktor seperti kestabilan motivasi diri dan persekitaran keluarga memberi impak yang signifikan terhadap prestasi akademik pelajar. Manakala, kajian yang dilakukan oleh Khair et al. (2018) tentang pengaruh pendapatan keluarga terhadap pencapaian akademik pelajar mendapati bahawa status sosioekonomi mempengaruhi tahap pencapaian akademik mahasiswa universiti terbabit. Kajian ini melibatkan mahasiswa dari pelbagai latar belakang di enam universiti tempatan. Dapatan kajian memberikan implikasi penting kepada pihak berkepentingan untuk mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi meningkatkan pencapaian akademik mahasiswa, terutamanya dari golongan berpendapatan sederhana.

Selain itu, kajian mengenai agihan dana zakat pendidikan telah banyak dijalankan sebelum ini yang merangkumi aspek pengurusan dan aspek agihan zakat kepada pelbagai asnaf dengan pelbagai jenis bantuan. Bantuan dana pendidikan kepada golongan asnaf memberi kesan yang pelbagai seperti peningkatan taraf kehidupan. Kajian oleh Radzi et al., (2017) menunjukkan peranan zakat dalam meningkatkan ekuiti dalam pendidikan anak-anak miskin bandar di Malaysia. Pelbagai bentuk bantuan kepada anak-anak miskin bandar dicadangkan bagi mempertingkatkan ekuiti dalam pendidikan seperti kemudahan teknologi maklumat dan kursus pendidikan berbentuk teknikal dan keusahawanan. Kajian oleh Saharuddin et al. (2020) terhadap alumni Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL) pula menunjukkan bahawa bantuan zakat pendidikan membantu mereka mendapat peluang untuk belajar di peringkat yang lebih tinggi dan memotivasi mereka untuk belajar dengan tekun. Kelebihan mendapat bantuan zakat daripada pihak institusi pengajian tinggi adalah pelajar dapat melakukan sesuatu perkara yang bermanfaat, bertahan dalam kehidupan dan pengajian di universiti, membayar yuran pengajian, membeli makanan dan minuman, buku serta peralatan pembelajaran (Muhamad et al., 2018).

Berkaitan dengan kelayakan dan kedudukan pelajar sebagai penerima zakat menurut perspektif Islam, kajian oleh Rahman & Makhtar (2011) membincangkan mengenai hukum pengagihan zakat kepada pelajar berdasarkan pandangan ulama kontemporari dan sebelumnya. Penulis menukilkan perbincangan yang dibuat oleh Yusuf al-Qardhawi dalam kitabnya *Fiqh al-Zakah* bahawa pemberian zakat kepada pelajar adalah kerana mereka melaksanakan kewajipan fardhu kifayah dan manfaatnya tidak terbatas untuk dirinya seorang tetapi untuk kebaikan umat seluruhnya. Terdapat juga sebahagian ulama yang mensyaratkan bahawa pelajar itu mestilah seorang yang berpotensi untuk berjaya dalam pelajarannya dan boleh memberi manfaat kepada umat. Justeru, ia menjadi amalan negara-negara maju untuk membiayai pelajar cemerlang dengan pengajian khas atau dihantar belajar di dalam dan luar negara.

Justeru, pelbagai bentuk bantuan pendidikan disediakan oleh institusi zakat di Malaysia untuk membantu pelajar dari golongan berpendapatan rendah termasuklah bantuan pendidikan di institusi pengajian tinggi di dalam negara atau di luar negara dalam bentuk biasiswa atau dermasiswa. Institusi zakat negeri-negeri dan unit baitulmal di bawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di Malaysia, mempunyai skim dan bentuk bantuan pendidikan kepada golongan asnaf khususnya fakir dan miskin seperti bantuan persekolahan, bantuan melanjutkan pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi Tempatan (IPT), biasiswa kecil pelajaran, bantuan kepada sekolah pondok dan juga bantuan pengajian tinggi ke luar negara (Rahman & Anwar, 2014). Di Kedah, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) menyediakan bantuan untuk pelajar yang mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan. Pelajar diberikan biasiswa penuh oleh pihak LZNK yang merangkumi yuran pengajian dan bantuan sara hidup. Namun, bagi pelajar yang menerima biasiswa daripada LZNK haruslah menunjukkan komitmen berterusan dalam kecemerlangan akademik pada setiap semester (Zaki & Sulong, 2021).

Kajian yang dijalankan di Indonesia mengenai pengaruh zakat terhadap prestasi pengajian pelajar menunjukkan pengaruh zakat terhadap prestasi pengajian pelajar di universiti hanya 45.6% sahaja (Rohmawaty, 2018). Manakala kajian yang dilakukan oleh Eviyati (2015) mendapati kejayaan pelajar dalam akademik tidak sepenuhnya bergantung kepada dorongan agihan zakat, namun motivasi keluarga dan persekitaran turut mempengaruhi pencapaian akademik. Motivasi pelajar juga boleh dipengaruhi oleh beberapa faktor lain antaranya keupayaan dan usaha pelajar dalam proses pembelajaran dan pengurusan masa, seperti yang disebutkan oleh Bakar et al. (2023) dalam kajiannya.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bagi tahun 2022, seramai 787 orang pelajar menerima zakat dengan jumlah agihan sebanyak RM395,640 bagi semester Mac -Julai 2022 dan semester Oktober 2022 – Februari 2023. Bilangan penerima zakat pada semester Oktober 2022 – Februari 2023 adalah lebih tinggi berbanding semester sebelumnya iaitu 504 orang (64%). Seramai 141 orang (28%) merupakan penerima zakat kali pertama dan mereka adalah responden kajian ini untuk melihat pencapaian akademik mereka selepas menerima zakat. Pencapaian akademik dinilai berdasarkan GPA bagi semester Oktober 2022 – Februari 2023 iaitu selepas pelajar menerima zakat.

Jadual 2: Latar belakang

	Kategori	Jumlah	Peratusan
Jantina	Lelaki	30	21.3
	Perempuan	111	78.7
Peringkat Pengajian	Diploma	82	58.2
	Ijazah Sarjana Muda	59	41.8
Basiswa	Baitulmal	1	0.7
	Bantuan Kerajaan Negeri Sabah (BKNS)	2	1.4
	PTPTN	77	54.6
	Tidak Menerima Basiswa	61	43.3
Penginapan	Kolej UiTM	128	90.8
	Menumpang	1	0.7
	Menyewa	7	5.0
Pendapatan ibubapa/penjaga	Rumah ibu/bapa/penjaga	5	3.5
	Bawah RM1,500	71	50.4
	RM1,5001 - RM3,000	62	43.9
Kategori Asnaf	RM3,001 - RM4,500	8	5.7
	Fakir	23	16.3
	Fisabillah	77	54.6
	Miskin	41	29.1

Sumber: Unit ZAWAF UiTM Cawangan Sabah (2022)

Berdasarkan Jadual 2 di atas, dari segi jantina, bilangan pelajar perempuan lebih ramai berbanding lelaki iaitu seramai 111 orang atau mewakili 78.7%, manakala bilangan pelajar lelaki hanya 30 orang. Ia merupakan fenomena biasa yang berlaku dalam IPT kini di mana kebanyakan penuntutnya adalah perempuan. Dari segi pengajian pula, bilangan pelajar hampir seimbang antara ijazah sarjana muda seramai 59 orang atau 41.8% dan diploma seramai 82 orang atau 58.2%. Bagi kategori biasiswa, lebih separuh

penerima zakat adalah peminjam PTPTN iaitu seramai 77 orang atau mewakili 54.6%. Manakala 61 orang pelajar atau 43.3% tidak menerima sebarang bantuan. Seterusnya, majoriti penerima zakat adalah pelajar yang tinggal di dalam kampus iaitu seramai 128 orang atau mewakili 90.8%.

Berdasarkan pendapatan keluarga pula, seramai 133 pelajar atau 94.3% penerima zakat mempunyai pendapatan keluarga di bawah RM3,000, dan lebih separuh dari jumlah tersebut adalah mereka dari keluarga yang berpendapatan bawah RM1,500 iaitu seramai 71 orang atau mewakili 50.4%. Dari segi kategori asnaf, pelajar daripada kategori fi sabilillah mewakili separuh atau 54.6% daripada keseluruhan penerima zakat iaitu seramai 77 orang. Manakala, asnaf miskin seramai 41 orang atau 29.1%, dan asnaf fakir seramai 23 orang atau 16.3%. Ini selari dengan data Jabatan Perangkaan Malaysia yang mencatatkan peratusan kemiskinan mutlak di Sabah adalah 25.3% bagi tahun 2020, iaitu tertinggi di Malaysia dan jauh lebih tinggi berbanding peratusan negara iaitu 8.4%. Kemiskinan mutlak adalah keadaan di mana pendapatan isi rumah tidak mencukupi untuk menampung keperluan hidup asas, iaitu makanan, tempat perlindungan dan pakaian (Adnan, 2023).

Jadual 3: Pencapaian GPA Pelajar Penerima Zakat Kali Pertama Pada Semester Oktober 2022 – Februari 2023

GPA	Bawah 1.99	2.0-2.19	2.2-2.99	3.0-3.49	3.5-4.0
Pelajar	7	6	71	41	16
Peratusan	5.0	4.2	50.4	29.1	11.3

Sumber: Student Information Management System (2023)

Jadual 3 di atas menunjukkan taburan frekuensi dan peratusan pencapaian GPA pelajar yang menerima zakat buat kali pertama. Dapatan menunjukkan seramai 71 orang atau 50.4% mendapat GPA 2.2-2.99, 41 orang atau 29.1% mendapat GPA 3.0-3.49, 28 orang atau 19.9% mendapat GPA 3.5 hingga 4.0 dan 7 orang atau 5.0% mendapat GPA bawah 2.0. Kesimpulannya, pencapaian GPA pelajar adalah pada tahap sederhana kerana separuh daripada 141 orang pelajar mendapat GPA 2.22-2.99.

Jadual 4: Pencapaian GPA Pelajar Penerima Zakat Mengikut Jantina

Jantina		GPA				
		Bawah 1.99	2.0- 2.19	2.2- 2.99	3.0- 3.49	3.5-4.0
Lelaki	Bil. (30)	1	-	14	11	4
	Peratusan	3.3	-	46.7	36.7	13.3
Perempuan	Bil. (111)	3	6	60	30	12
	Peratusan	2.7	5.4	54.0	27.0	10.8

Sumber: Student Information Management System (2023)

Jadual 4 di atas menunjukkan pencapaian GPA penerima zakat mengikut jantina. Dapatan menunjukkan keseimbangan pencapaian GPA dalam kalangan pelajar lelaki kerana separuh daripada jumlah 30 orang penerima zakat mendapat GPA 3.0 dan ke atas iaitu mewakili 50%. Bagi pencapaian dalam kalangan pelajar perempuan, majoritinya berada pada tahap sederhana iaitu seramai 60 orang atau mewakili 54% mendapat GPA 2.22-2.99.

Jadual 5: Pencapaian GPA Pelajar Penerima Zakat Mengikut Peringkat Pengajian

Peringkat Pengajian		GPA				
		Bawah 1.99	2.0-2.19	2.2-2.99	3.0-3.49	3.5- 4.0
Diploma	Bil. (82)	7	6	44	20	5
	Peratusan	8.5	7.3	53.6	24.4	6.1
Ijazah Sarjana Muda	Bil. (59)	-	-	27	21	11
	Peratusan	-	-	45.81	35.6	18.6

Sumber: Unit ZAWAF UiTM Cawangan Sabah (2022)

Jadual 5 di atas menunjukkan pencapaian GPA penerima zakat mengikut peringkat pengajian. Dapatan menunjukkan lebih separuh dalam kalangan pelajar diploma mendapat GPA pada tahap sederhana iaitu seramai 44 orang atau mewakili 53.6% mendapat GPA 2.22-2.99. Manakala pencapaian GPA dalam kalangan pelajar ijazah sarjana adalah seimbang antara tahap sederhana, tinggi dan sangat tinggi. Seramai 27 orang mewakili 45.81% mendapat GPA 2.99, manakala seramai 32 orang atau mewakili 53.6% memperoleh pencapaian tahap tinggi dan sangat tinggi iaitu dengan GPA 3.0 dan ke atas.

Jadual 6: Pencapaian GPA Penerima Zakat Berdasarkan Bantuan Dana Pendidikan Yang Diterima Oleh Pelajar

Bantuan Dana Pendidikan		GPA				
		Bawah 1.99	2.0- 2.19	2.2- 2.99	3.0- 3.49	3.5- 4.0
Baitulmal	Bil. (1)	-	-	-	1	-
	Peratusan	-	-	-	100	-
BKNS	Bil. (2)	1	-	1	-	-
	Peratusan	50.0	-	50.0	-	-
PTPTN	Bil. (77)	2	4	43	20	8
	Peratusan	2.6	5.2	55.8	26.0	10.4
Tidak menerima bantuan	Bil. (61)	4	2	27	20	8
	Peratusan	6.6	3.3	44.2	32.8	13.1

Sumber: Unit ZAWAF UiTM Cawangan Sabah (2022)

Berdasarkan Jadual 6 di atas, dapatan kajian menunjukkan keseimbangan dalam pencapaian GPA dalam kalangan pelajar yang tidak menerima bantuan biasiswa atau pinjaman. Seramai 27 orang atau 44.2% memperoleh GPA antara 2.2 hingga 2.99, manakala 20 orang atau 32.8% mencapai tahap tinggi dalam GPA. Berbeza dengan pencapaian GPA pelajar yang menerima PTPTN, lebih separuh daripada mereka memperoleh GPA sederhana antara 2.22 hingga 2.99, iaitu seramai 43 orang atau 55.8%. Sementara itu, jumlah pelajar yang mencapai tahap GPA tinggi antara 3.0 hingga 3.49 ialah 20 orang atau mewakili 26.0%. Dapatan juga menunjukkan bahawa terdapat seorang pelajar yang menerima biasiswa BKNS berada pada tahap lemah dengan GPA di bawah 2.0.

Jadual 7: Pencapaian GPA Penerima Zakat Mengikut Tempat Penginapan

Penginapan		GPA				
		Bawah 1.99	2.0-2.19	2.2- 2.99	3.0- 3.49	3.5-4.0
Kolej UiTM	Bil. (128)	6	6	63	39	14
	Peratusan	4.7	4.7	49.2	30.5	10.9

Menumpang	Bil. (2)	-	-	-	-	1
	Peratusan	-	-	-	-	100
Menyewa	Bil. (7)	1	-	4	1	1
	Peratusan	14.3	-	57.1	14.3	14.3
Rumah ibu/bapa/penjaga	Bil. (5)	-	-	4	1	-
	Peratusan	-	-	80.0	20.0	-

Sumber: Unit ZAWAF UiTM Cawangan Sabah (2022)

Jadual 7 di atas, menunjukkan dapatan pencapaian GPA dalam kalangan pelajar mengikut tempat penginapan pelajar. Majoriti pelajar yang menginap di kolej dalam UiTM memperoleh GPA 2.22-2.99 iaitu seramai 63 orang atau mewakili 49.2%. Begitu juga dengan pelajar yang menyewa dan tinggal bersama ibu/bapa/penjaga, di mana majoriti pelajar memperoleh GPA pada tahap sederhana, iaitu 2.22-2.99.

Jadual 8: Pencapaian GPA Penerima Zakat Mengikut Pendapatan Ibu/Bapa/Penjaga

Pendapatan ibubapa/penjaga		GPA				
		Bawah 1.99	2.0-2.19	2.2-2.99	3.0- 3.49	3.5-4.0
Bawah RM1,500	Bil. (71)	3	5	39	12	12
	Peratusan	4.2	7.0	54.9	16.9	16.9
RM1,501- RM3,000	Bil. (62)	4	1	27	26	4
	Peratusan	6.5	1.6	43.5	41.9	6.5
RM3,001- RM4,500	Bil. (8)	-	-	5	3	-
	Peratusan	-	-	62.5	37.5	-

Sumber: Unit ZAWAF UiTM Cawangan Sabah (2022)

Jadual 8 di atas, menunjukkan dapatan bilangan pelajar daripada kalangan keluarga berpendapatan bawah RM1,500 yang memperoleh GPA 3.50 – 4.0 dan GPA 3.0 -3.49 adalah sama iaitu 12 orang atau mewakili 16.9%. Lebih 50% daripada mereka memperoleh GPA 2.22-2.99. Manakala, pencapaian GPA dalam kalangan pelajar daripada keluarga berpendapatan RM1,500 – RM3,000 pula lebih seimbang kerana jumlah bilangan yang mendapat GPA 2.2-2.99 dan GPA 3.00 hampir sama dengan peratusan melebihi 40%.

Jadual 9: Pencapaian GPA Pelajar Penerima Zakat Mengikut Kategori Asnaf

Kategori Asnaf		GPA				
		Bawah 1.99	2.0-2.19	2.2-2.99	3.0-3.49	3.5-4.0
Fakir	Bil. (23)	1	1	16	4	1
	Peratusan	4.3	4.3	69.6	17.4	4.3
Fisabilillah	Bil. (77)	4	2	36	27	8
	Peratusan	5.2	2.6	46.8	35.1	10.4
Miskin	Bil. (41)	2	3	19	10	7
	Peratusan	4.9	7.3	46.3	24.4	17.1

Sumber: Unit ZAWAF UiTM Cawangan Sabah (2022)

Berdasarkan Jadual 9 di atas, terdapat keseimbangan dalam kategori asnaf miskin dan fisabilillah kerana jumlah peratus pelajar yang mendapat GPA 2.22-2.99 adalah hampir sama iaitu hampir 47%.

Berbeza dengan kategori fakir, majoriti pelajar mendapat GPA 2.22-2.99 pada tahap rendah iaitu hampir 70% dengan jumlah seramai 16 orang daripada 23 orang.

Selain itu, kajian ini juga membuat perbandingan pencapaian GPA yang diterima oleh pelajar selepas menerima zakat dengan pencapaian GPA sebelum menerima zakat iaitu semasa membuat permohonan zakat. Permohonan zakat di UiTM Cawangan Sabah dibuka lebih awal secara atas talian melalui *Google Form* sebelum kuliah bermula. Antara maklumat yang diminta daripada pelajar semasa permohonan ialah nilai GPA semester sebelumnya bagi pelajar bahagian 2 dan ke atas. Seterusnya, pengkaji mendapatkan nilai GPA pelajar di laman sesawang *Student Information Management System (SIMS)* setelah keputusan peperiksaan semester Oktober 2022 – Februari 2023 dikeluarkan. Jadual 10 di bawah menunjukkan perbandingan nilai GPA yang diperoleh oleh pelajar pada kedua-dua semester.

Jadual 10: Perbandingan Pencapaian GPA Penerima Zakat Bagi Semester Mac – Julai 2022 & Semester Oktober 2022 - Februari 2023

Semester Pengajian		GPA				
		Bawah 2.0	2.0-2.19	2.2-2.99	3.0-3.49	3.5-4.0
Mac – Jul. 22 (Sebelum)	Bil. (141)	3	3	46	61	28
	Peratusan	2.1	2.1	32.7	43.2	19.9
Okt.22 – Feb.23 (Selepas)	Bil. (141)	7	6	71	41	16
	Peratusan	5.0	4.2	50.4	29.1	11.3

Sumber: Unit ZAWAF UiTM Cawangan Sabah (2022)

Berdasarkan Jadual 10 di atas, didapati sebelum menerima zakat, terdapat tiga orang pelajar dengan GPA 2.0 ke bawah, mewakili 2.1% daripada jumlah keseluruhan 141 orang pelajar. Namun, setelah menerima bantuan zakat, bilangan pelajar dengan GPA di bawah 2.0 meningkat kepada tujuh orang atau 5%. Bagi pelajar dengan GPA 2.0-2.19, terdapat tiga orang atau 2.1% daripada jumlah keseluruhan pelajar. Selepas menerima zakat, jumlah ini meningkat kepada enam orang atau 4.2%. Seterusnya, bagi pelajar dengan GPA 2.2-2.99, terdapat 46 orang atau 32.7% daripada jumlah keseluruhan pelajar. Setelah menerima zakat, jumlah pelajar dalam kategori ini meningkat kepada 72 orang atau 50.4%. Bagi pelajar dengan GPA 3.0-3.49, terdapat 61 orang atau 43.2% daripada jumlah keseluruhan pelajar. Selepas menerima zakat, bilangan pelajar dalam kategori ini berkurang kepada 20 orang atau 29.1%. Akhir sekali, bagi pelajar dengan GPA 3.5-4.0, terdapat 28 orang atau 19.9% daripada jumlah keseluruhan pelajar. Setelah menerima zakat, jumlah pelajar dalam kategori ini berkurang kepada 16 orang atau 11.3%.

Jadual 11: Perbandingan Pencapaian GPA Penerima Zakat Bagi Semester Mac – Julai 2022 & Semester Oktober 2022 - Februari 2023

	Min	N
GPA Selepas Menerima Zakat (Semester Oktober 2022 – Februari 2023)	2.8834	141
GPA Sebelum Menerima Zakat (Semester Mac Julai 2022)	3.1044	

Sumber: Unit ZAWAF UiTM Cawangan Sabah (2022)

Berdasarkan keputusan SPSS terdapat perbezaan yang bererti antara GPA sebelum dan GPA selepas di mana nilai Sig = 0.000. Berdasarkan nilai min pula didapati Min GPA sebelum menerima zakat adalah lebih tinggi iaitu 3.1044 berbanding Min GPA selepas menerima zakat iaitu 2.8834. Ini bermakna nilai GPA semakin berkurangan selepas pelajar menerima zakat.

Secara keseluruhannya, tahap pencapaian akademik dalam kalangan pelajar yang menerima zakat untuk kali pertama adalah pada tahap sederhana. Lebih 50% pelajar mendapat GPA antara 2.22 hingga 2.99 pada semester Oktober 2022 hingga Februari 2023.

Pencapaian GPA dalam kalangan pelajar lelaki menunjukkan keseimbangan, dengan kira-kira 50% pelajar mencapai GPA 3.0 dan ke atas, sementara hampir 50% mendapat GPA pada tahap sederhana, iaitu antara 2.22 hingga 2.99. Bagi pelajar perempuan, majoriti mendapat GPA pada tahap sederhana. Selain itu, pelajar ijazah sarjana muda menunjukkan pencapaian yang agak baik, kerana tidak ada yang memperoleh GPA rendah atau lemah. Peratusan antara pelajar yang mendapat GPA sederhana dengan yang mendapat GPA tinggi adalah seimbang. Bagi pelajar diploma, lebih daripada 50% memperoleh GPA sederhana antara 2.22 hingga 2.99, iaitu seramai 44 orang.

Pelajar yang menerima bantuan biasiswa atau pinjaman kebanyakannya mencapai tahap sederhana, iaitu dengan memperoleh GPA antara 2.22 hingga 2.99, walaupun mereka menerima bantuan daripada PTPTN, biasiswa, dan juga zakat. Sebaliknya, dalam kategori yang tidak menerima bantuan, jumlah pelajar yang mencapai tahap sederhana dan tinggi adalah lebih seimbang. Dapatan yang serupa juga berlaku dalam kalangan keluarga berpendapatan RM1,501 hingga RM3,000, di mana peratusan pencapaian GPA adalah seimbang. Namun, bagi pelajar dari keluarga berpendapatan bawah RM1,500, majoriti mencapai tahap sederhana, dengan peratusan melebihi 50%.

Dalam kategori asnaf, fisabillah adalah yang paling ramai menerima zakat, diikuti oleh asnaf miskin dan fakir. Keseimbangan dalam pencapaian GPA dapat dilihat dalam kalangan pelajar asnaf miskin dan fisabilillah, dengan hampir 47% memperoleh GPA pada tahap sederhana. Begitu juga dalam kalangan asnaf fisabilillah, di mana peratusan pelajar yang mencapai GPA tinggi dan sangat tinggi adalah seimbang dengan yang mencapai GPA sederhana, iaitu melebihi 45%. Berbeza dengan kategori fakir, 70% daripada 23 orang mencapai tahap sederhana dalam GPA.

Dapatan juga menunjukkan bahawa tahap pencapaian akademik pelajar menurun selepas menerima zakat. Sebelum menerima zakat, majoriti pelajar mencapai GPA pada tahap tinggi, iaitu 3.00 ke atas, dengan jumlah 89 orang atau 63.1%. Namun, selepas menerima zakat, hanya 57 orang atau 40.4% yang mencapai tahap GPA 3.00 ke atas. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 22.7%.

Terdapat pelbagai faktor yang boleh mempengaruhi pencapaian akademik pelajar, di antaranya adalah faktor dalaman yang melibatkan motivasi pelajar, yang dianggap sebagai faktor penting dalam mencapai kejayaan akademik. Kajian yang dilakukan oleh Eviyati (2015) mendapati hasil dari kejayaan pelajar dalam akademik tidak sepenuhnya bergantung kepada dorongan agihan zakat, namun motivasi keluarga dan persekitaran turut mempengaruhi pencapaian akademik.

KESIMPULAN

Kajian ini telah memberikan gambaran tentang pencapaian akademik pelajar penerima zakat di UiTM Cawangan Sabah. Secara keseluruhan, sebahagian besar daripada mereka memperoleh pencapaian akademik pada tahap sederhana. Selain itu, kajian mendapati bantuan zakat yang diterima buat kali pertama tidak memberi pengaruh kepada peningkatan pencapaian akademik. Ini kerana hasil perbandingan pencapaian GPA sebelum dan selepas menerima zakat menunjukkan berlaku penurunan. Terdapat pelbagai aspek yang boleh mempengaruhi pencapaian akademik pelajar, antaranya motivasi, keadaan sosial, dan kewangan pelajar. Proses pengagihan zakat yang dilaksanakan oleh universiti juga boleh mempengaruhi prestasi akademik, menyebabkan bantuan tersebut tidak memberi kesan yang signifikan kepada pelajar yang menerima zakat buat kali pertama. Kajian lanjutan perlu dilakukan dengan lebih mendalam untuk mengenal pasti faktor sebenar yang mempengaruhi pencapaian akademik dalam kalangan penerima zakat di UiTM Cawangan Sabah. Kajian juga perlu lebih menyeluruh, melibatkan semua pelajar, termasuk penerima zakat yang melebihi satu kali, untuk melihat kesan dalam tempoh masa yang lebih panjang.

Kajian ini amat penting untuk membantu pihak ZAWAF dan juga pihak universiti merancang strategi mekanisme agihan serta mengadakan pelbagai program demi meningkatkan prestasi pencapaian pelajar golongan berpendapatan rendah agar dapat mencapai potensi maksimum dalam pengajian mereka. Antara cadangan yang boleh dipertimbangkan ialah:

1. Meningkatkan Sokongan Akademik: Universiti perlu meningkatkan sokongan akademik kepada pelajar penerima zakat dengan menyediakan program bimbingan akademik yang intensif dan berterusan. Ini termasuklah penggunaan tutor atau mentor akademik yang dapat membantu pelajar dalam pemahaman subjek dan teknik pengajaran.
2. Program Motivasi dan Pembangunan Diri: Perlunya program motivasi dan pembangunan diri bagi membantu meningkatkan motivasi dan keyakinan diri pelajar. Program ini boleh termasuk seminar motivasi, perbincangan kelompok, dan aktiviti luar bilik darjah yang memperkukuhkan kemahiran interpersonal dan keberanian dalam menghadapi cabaran.
3. Penambahbaikan Sistem Pengurusan Zakat: Universiti perlu memastikan bahawa sistem pengurusan zakat adalah efisien dan telus bagi memastikan dana zakat disalurkan dengan tepat kepada pelajar yang memerlukan. Ini termasuk proses permohonan yang mudah, penilaian kelayakan yang adil, dan pelaporan kewangan yang telus kepada penerima zakat.
4. Pelan Intervensi bagi Pelajar Berisiko Tinggi: Universiti boleh membangunkan pelan intervensi khusus bagi pelajar yang berisiko tinggi untuk membantu mereka mengatasi cabaran akademik dan kewangan. Pelan ini boleh termasuk bantuan kewangan tambahan, sokongan akademik yang intensif, dan bimbingan kerjaya untuk meningkatkan prospek pekerjaan selepas tamat pengajian.

PENGHARGAAN

Ucapan penghargaan ditujukan kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Sabah yang telah memberi sokongan terhadap kajian ini. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada penilai-penilai atas cadangan yang baik untuk penerbitan artikel ini.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai apa-apa konflik kepentingan dengan mana-mana pihak, organisasi atau individu sama ada dari segi kewangan atau kepentingan lain dalam penghasilan artikel ini.

SUMBANGAN PENULIS

Kerangka asas kajian dibuat oleh Nor Alhana Abd Malik. Metodologi, pengumpulan data dan analisis dibuat oleh Razizi Tarmuji dan Saiful Nizam Amran.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Barr, M. Z. (1998). *Aḥkam Al-Mu‘āmalat Al-māliyah Fi Madhhab Al-Hanbāli ‘Ard Manḥāji*. Maktabah Dar al-Turath.
- Adenan, F., & Ab Rahman, A. (2020). Menjaga Keamanan Negara Menurut Perspektif Maqasid Syariah Serta Hubungannya Dengan Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals): Kajian di Malaysia. *UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 7(1), 33-47.

- Alias, A., Mohammad Azam, H., Muhammad Hafiz, B., & Fauziah, M. N. (2014). Pengurusan Harta Dalam Islam Perspektif Hibah di Malaysia. *Journal of Human Development and Communication (JoHDEC)*, 3, 115–128. <http://dspace.unimap.edu.my:80/xmlui/handle/123456789/41560>
- Azhar, A. (2018). Amalan Hibah Di Syarikat Amanah: Satu Kajian Kes Di As-Salihin Trustee Berhad the Practice of Hibah in Trust Companies: A Case Study in As-Salihin Trustee Berhad. *Jurnal Sultan Alaudin Sulaiman Shah*, 5(1), 11–29.
- Azman, A. R. (2019). Pengurusan Institusi Zakat Berdasarkan Maqasid Syariah dan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG). *Journal of Fatwa Management and Research*, 17(2).
- Bakar, A. A., Rapi, M. A. A. M., & Sallehuddin, M. R. (2020). Property Inheritance Management: Issues Unclaimed Property. *Webology*, 17(2).
- Creswell, J.W. (2012). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*. 3rd Edition. Thousand Oaks, California: Sage Publications, Inc.
- Fazlul Haque, E. H. (20 Mei 2020). RM70 Bilion Harta Pusaka 'Tergantung'. *MyMetro*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/05/583552/rm70-bilion-harta-pusaka-tergantung>
- Halim, A. H., & Bustami, T. A. A. (2017). Pelaksanaan Hibah Amanah Sebagai Suatu Instrumen Pengurusan Harta Islam Di Malaysia (Execution of Hibah Amanah as an Instrument of Islamic Property Management in Malaysia). *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 29(2), 310–335.
- Hasbulah, M. H., & Daud, M. Z. (2015). Perancangan Pembahagian Harta Semasa Hidup Dalam Islam: Konsep dan Kepentingannya. *Global Journal Al-Thaqafah*, 5(1), 119–131. <https://doi.org/10.7187/GJAT832015.05.01>
- Hasna, A. M. (2007). Dimensions of Sustainability. *Journal of Engineering for Sustainable Development: Energy, Environment, and Health*.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2017). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarulbaid, A. M. (11 September 2021). RM90b Harta Beku Tidak Dituntut. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/nasional/2021/09/rm90b-harta-beku-tidak-dituntut/>
- Lee Ing Chin & Ors lwn Gan Yook Chin & Anor [2003] 2 CLJ 19
- Milroy lwn Lord [1862] 4 De G.F. & J.
- Moidin, S., Rani, M. A. M., Arif, M. I. A. M., Adenan, F., Saiman, M. Z., & Jamal, I. H. (2023). Vagueness in The Hibah Amanah. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(7), 770-782.
- Muda, M. Z. (2008). Instrumen Hibah: Analisis Hukum dan Aplikasi di Malaysia. *Konvensyen Faraid dan Hibah Kebangsaan*, Kuala Lumpur Malaysia.
- Rahim, A. K. A., Razimi, M. S. A., & Nor, M. M. M. (2018). Inovasi Instrumen Hibah Dalam Produk-Produk Kewangan Islam Di Malaysia. *Muktamar Waqf Iqlimi IV*, 1–15.
- Rahman, N. S. A., Talib, H., Ghani, N. Abd., Salam, N. Z. M. A., & Rahman, N. S. A. (2018). Pengurusan Tuntutan Harta Pusaka Dalam Kalangan Masyarakat Islam: Kajian Di Lembah Klang. *Journal of Muwafaqat*, 1(2), 96–117. <https://muwafaqat.kuis.edu.my/index.php/journal/article/view/59>

- Rashid, R. A., & Ahmad, N. H. (2013). Pengurusan Harta Melalui Hibah: Kepentingan Dan Manfaat Dari Pelbagai Aspek Untuk Kemajuan Ummah (Hibah Wealth Management: The Important and Benefit from Various Aspects for Ummah Development). *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 5(1), 91–104. www.ukm.my/jhadhari
- Rashid, R. A., & Yaakub, N. I. (2010). Masalah Kegagalan dan Kelewatan Pengagihan Harta Pusaka di Malaysia. *Jurnal Intelek*, 5(2). [//jurnalintelek.uitm.edu.my/index.php/main/article/view/8](http://jurnalintelek.uitm.edu.my/index.php/main/article/view/8)
- United Nation. (2015). The 17 Goals. United Nation. <https://sdgs.un.org/goals>
- Yaakob, A., Mohd, K. W., Hashim, H., Ghafar, A. A., Khamis, M. N., & Kamal, K. A. M. (2020). Kepentingan Pengurusan Harta dan Urus Pusaka di Malaysia dari Perspektif Perundangan dan Maqasid Syariah. *INSLA E-Proceedings*, 3(1), 689–699. <https://insla.usim.edu.my/index.php/e proceeding/article/view/80>
- Yin, R.K. (2015). *Qualitative research from start to finish*. 2nd Ed. New York: The Guilford Press.



© 2024 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY SA) license (<https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/>).